

500 Tabika Kemas Pintar Stream akan diperluaskan seluruh Negara
Astro Awani
02 Julai 2019
Azyyati Ahmad,

KUALA LUMPUR: Kerajaan menyasarkan penjenamaan semula 500 taman bimbingan kanak-kanak (tabika) kendalian Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di seluruh negara mengikut tema tertentu, menjelang akhir 2020 meliputi kawasan luar bandar, pedalaman dan kawasan orang asli.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun, berkata di bawah program Tabika Kemas Pintar Stream, Kemas mengambil inisiatif memperkenalkan 13 tema berbeza bagi setiap negeri, membabitkan kos RM50,000 bagi setiap tabika, termasuk kos baik pulih.

Katanya, pembaharuan itu dapat menggalakkan minat kanak-kanak Tabika Kemas melalui pembelajaran secara kolaboratif, kreatif dan pemikiran kritis.

Komunikasi ini, menurutnya, selaras dengan konteks pendidikan negara iaitu Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21).

"Kita akan kembangkan kepada daerah-daerah dan kita sasarkan 500 Tabika Kemas di Malaysia.

"Setiap projek kita buat pemantauan. Kita dapati apabila kita lakukan pembaharuan, kadar ponteng kalangan kanak-kanak tabika kurang dan kita akan tambah baik projek ini dan perbaiki mana-mana kelemahan," katanya.

Rina berkata demikian selepas melancarkan Tabika Kemas Pintar Stream bertemakan robotik di Tabika Kemas Keramat Nur Titiwangsa pada Selasa.

Siri pertama penjenamaan semula Tabika Kemas Chabau, Melaka, yang dirasmikan pada Oktober tahun lalu, bertemakan penerbangan, manakala Tabika Kemas Keramat, yang dirasmikan pada Selasa diperbaharui dengan bertemakan robotik.

Beberapa tema yang akan diperkenalkan di 12 buah negeri lain adalah sains perubatan, angkasa lepas, astronomi, minyak dan gas.

Usaha ini turut mendapat kerjasama pintar beberapa badan lain termasuk Universiti Sultan Idris (UPSI), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) dan Pertubuhan Sekolah Belantara.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/500-tabika-kemas-pintar-stream-akan-diperluaskan-seluruh-negara-211655>